

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR MOHD HAFIZ MOHAMAD
HANAFIAH
MENJALANKAN TUGAS TIMBALAN REKTOR
HAL EHWAL PELAJAR**

**MEWAKILI
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGDI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
PROGRAM “*COMMUNITY CARE, ONE HEART
ONE EFFORT*”**

**12 OKTOBER 2025 | AHAD | 7.30 PAGI
PANGSAPURI ASTANA ALAM 1, 2 DAN 3
BANDAR PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA
ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN
WA ALA ALIHI WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Dr. Wan Rafidah Zawani Wan Ali

Penasihat 1 Kelab Program Siswa Sihat (PROSIS)
UiTM Cawangan Selangor

YBrs. En Khider Abd Rahim

Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Kuala Selangor

YBrs. En Errizani Abd Rahim

Pengerusi Persatuan Penduduk Astana Alam

Saudari Nur Irbah Fatehah Hairulnizam

Selaku Pengarah Program

Barisan Pengerusi Persatuan Penduduk Kawasan

Puncak Alam

Pengurusan Unit Non Residen UiTM Cawangan

Selangor

Wakil Majlis Perbandaran Kuala Selangor

Wakil JMB Astana Alam

Wakil COMBI Negeri Selangor

Barisan Petugas Pejabat Daerah Kesihatan Kuala

Selangor

Barisan Jawatankuasa Penganjur

Para pelajar yang dikasihi, para penduduk Astana Alam, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, **mewakili YBrs. Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman, yang Menjalankan Fungsi Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.
2. Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT kita dapat sama-sama berkumpul pada pagi yang penuh bermakna ini bagi menjayakan program CSR ***“Community Care, One Heart One Effort”***.

3. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Kelab Program Siswa Sihat (PROSIS) UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam** atas usaha penganjuran program ini.
4. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada rakan kerjasama **Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS), Persatuan Penduduk Puncak Alam (PPPA), Pejabat Daerah Kuala Selangor (PKDKS)** serta **Jawatankuasa Perwakilan Non-Resident (JPNR)** atas komitmen dan sokongan padu dalam menjayakan usaha murni ini.
5. Tidak dilupakan, ucapan jutaan terima kasih juga kepada para peserta program **CSR : *Community Care, One Heart One Effort***, kerana tanpa kehadiran anda, program ini tidak mungkin dapat dijayakan.

Hadirin yang saya hormati,

6. Program CSR ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada aspek kebersihan dan kesihatan fizikal, malah turut menekankan kesejahteraan mental serta semangat kesukarelawan dalam kalangan masyarakat.
7. Selain itu, usaha seperti gotong-royong, ceramah kesihatan, dan senamrobik yang dijalankan akan menjadi medan pendidikan komuniti, di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara universiti, pihak berkuasa tempatan, dan penduduk setempat.
8. Saya percaya, melalui Kelab PROSIS, para penduduk diberi peluang melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan, sekali gus mendidik mereka menjadi komuniti yang prihatin dan bertanggungjawab.

9. Saya berharap semangat kesukarelaan yang dipupuk melalui program ini akan terus subur dalam kehidupan seharian, kerana dengan semangat “**Satu Hati, Satu Usaha**”, kita mampu membina komuniti yang sihat, bersih dan harmoni.
10. Akhir kata, tahniah dan syabas sekali lagi kepada pihak penganjur dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan acara ini.

Satu hati berpadu janji,
Satu usaha membawa berkat;
Moga program dirahmati Illahi,
Menyemai semangat dalam masyarakat.

11. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan program **CSR Community Care, One Heart One Effort**.

Sekian,

Wabillahitaufig Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabaraktu